

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN  
IDRIS  
[JERANTUT - BN]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN (NO. 42)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tahap radikalisation golongan belia di Malaysia oleh puak ekstremis dan apakah langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi membendung perkara tersebut.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 20 September 2016 pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengeluarkan statistik tangkapan seramai 240 orang yang terdiri daripada mereka yang berumur 40 tahun ke bawah terlibat dengan militan IS yang mana 192 orang (80%) daripada jumlah tersebut merupakan golongan belia.
2. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) juga dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia telah melaksanakan Kajian Pengaruh *The Islamic State of Iraq And Syria* (ISIS): Penerimaan dan Penolakan dalam kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Semenanjung Malaysia. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa tahap pemahaman pelajar IPT masih samar dan berada di tahap yang lemah (*basic information*).
3. Para pelajar juga mudah terpengaruh melalui media sosial, rakan sebaya dan sikap ingin tahu yang tinggi. Ditambah dengan didikan agama yang cetek. Walau bagaimanapun, para pelajar melihat ISIS sesuatu yang signifikan kepada keselamatan negara.
4. Dalam memastikan golongan belia ini tidak terus menerus terlibat di dalam gejala ini, KBS telah mewujudkan tiga (3) platform perbincangan penyelarasan langkah-langkah pencegahan

## SULIT

bersepadu bersama Kementerian dan agensi-agensi berkaitan seperti berikut:

- a) Kajian Profiling / Indikator Belia Yang Terlibat Dalam Kegiatan Radikalisme / Ekstremisme. Di mana, kajian ini akan mengenal pasti kelompok belia yang radikal, berpotensi radikal dan berisiko rendah untuk radikal. Kajian ini juga akan mengenal pasti punca masalah berlakunya radikalisme di kalangan belia;
- b) Inisiatif pemulihan dan pasca pemulihan belia-belie radikal / belia berisiko;
- c) Inisiatif pencegahan dan penyerlahan potensi belia di kalangan belia berpotensi radikal dan berisiko rendah untuk radikal;
- d) Inisiatif menghapuskan punca masalah radikalisme di kalangan belia;
- e) Inisiatif meningkatkan tahap profesionalisme kerja belia di kalangan kumpulan pelaksana yang melaksanakan inisiatif-inisiatif di atas. Ini sebagai satu usaha bagi menyantuni golongan belia agar terhindar terus daripada anasir-anasir mengancam keselamatan negara; dan
- f) KBS turut melaksanakan *Slot-in Session* di dalam program sedia ada di bawah KBS dengan kerjasama daripada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (MPP dan Sekretariat Rakan Muda), Majlis Keselamatan Negara, Polis DiRaja Malaysia,

**SULIT**

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Serantau Asia Tenggara Bagi Mencegah Keganasan (SEARCCT), Kementerian Luar Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia yang mempunyai modul lengkap berkaitan pencegahan radikalisme.

Sekian, terima kasih.